



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/1/2012

JUMAAT 6 JANUARI 2012

UTUSAN MALAYSIA • MUKA 13

## Rencana



Suara Blog

# Menjelang 9 Januari dan siapa pula ganti Anwar?

ISU-ISU menjelang keputusan mahkamah berhubung kes liwat kedua Datuk Sen Anwar Ibrahim pada 9 Januari ini mewarnai dunia blog sepanjang minggu ini.

Di sebalik pihak pembangkang yang sedang menggerakkan kempen Bebaskan Anwar 901 blog MyKMU ([www.mykmu.net](http://www.mykmu.net)) pula mempersoalkan siapa yang sepatutnya perlu diberi keadilan, tertuduh atau mangsa.

Katanya, Mohd. Saiful Bukhari Azlan yang menjadi mangsa liwat sepatutnya diberikan keadilan sewajarnya dan bukannya tertuduh yang diberi pelbagai gelaran agung dan hebat.

"Mana perginya Majlis Peguam, Suaram dan Suhakam di dalam kes ini? Mengapa mereka membiarkan Saiful dan tidak menyuarkan hak Saiful dari sudut keadilan sebenar?"

"Kenapa mereka senyap? Biasalah. Sudah tentu kerana mereka hanya memberikan sokongan berpilih, "double standard"! Bila bersikap begitu, jelas sekali kredibiliti mereka sangat rendah mutunya," katanya.

Justeru katanya, adalah lebih baik jika gerakan Bebaskan Anwar 901 itu ditukar saja kepada "Bebaskan Saiful Bukhari 901"

dan bukannya Anwar kerana dia sendiri yang menjerat dirinya.

A. Kadir Jasin ([www.akadirjasin.com](http://www.akadirjasin.com)) pula berkata, banyak kemungkinan boleh berlaku dengan keputusan hakim pada 9 Januari ini, tidak kira sama ada Anwar bersalah atau sebaliknya.

Katanya, jika Anwar dibebaskan, mereka akan berdemonstrasi kerana kehakiman berpihak kepada mereka sebaliknya jika pemimpin tersebut didapati bersalah, mereka juga akan berdemonstrasi kerana kehakiman tidak berpihak kepada mereka.

"Kalau Anwar menang, Perdana Menteri Najib Abdul Razak dan Barisan Nasional akan hadapi masalah besar dalam Pilihan Raya Umum (PRU) nanti.

"Kalau Anwar kalah, dia akan sekali lagi dianggap mangsa penganiayaan politik dan "mati syahid" oleh penyokong tegarnya dan oleh generasi muda yang kurang faham mengenai sodomi satu dan salah guna kuasa 1999/2000," katanya.

Selain itu, katanya, jika Anwar dimasukkan penjara, kesan undi simpati seperti yang berlaku pada PRU 1999 akan berulang sebaliknya dan jika ia akan menyukarkan BN mempertahankan kedudukannya.

Blog Papa Gomo ([www.papagomo.com](http://www.papagomo.com)) juga menanyakan andai Anwar didapati tidak bersalah, apakah kerajaan, pembangkang dan rakyat sudah bersiap sedia untuk menerima keputusan itu.

Katanya, semua pihak tidak harus mengambil mudah dengan Ketua Pembangkang itu kerana beliau akan menggunakan apa sahaja cara untuk membebaskan dirinya raalah usaha itu dilakukan sejak proses perbicaraan kes itu lagi.

Kempen bebaskan Anwar yang dilakukan sekarang adalah satu usaha untuk membuatkan pihak lawan leka dan terlalu yakin bahawa beliau akan didapati bersalah oleh mahkamah.

Gomo berkata sedemikian atas sebab yang mana maklumat yang Gomo peroleh dari pihak-pihak tertentu bahawa waktu ini Anwar Ibrahim tertuduh dalam kes liwat cuba MERASUAH, UGUT dan paling jelik sekali apabila khidmat BOMOH digunakan dalam memastikan keputusan oleh Hakim Datuk Mohamad Zabidin Mohd. Diah terganggu dan memberikan kebebasan buat dirinya pada 9 Januari nanti.

"Kita berhadapan dengan manusia yang paling licik di muka bumi ini. Racun arsenik, disuntik (virus) HIV dan bermacam-macam

lagi lelah telah Anwar gunakan dalam memastikan dirinya mendapat simpati rakyat.

"Apalah sangat dengan keputusan mahkamah ini jika nak dibandingkan dengan apa yang telah beliau lakukan dalam menipu rakyat Malaysia. 16 September berjuta rakyat ditipu dan itu bukti jelas bahawa Anwar Ibrahim amat licik sama sekali sehingga memaksa ramai yang tunduk kepadanya," kata beliau.

Sehubungan itu, beliau berharap keadilan untuk Mohd. Saiful Bukhari akan dapat ditegakkan pada 9 Januari ini dan Mohamad Zabidin tidak terpengaruh atau mudah dimanipulasi oleh pihak-pihak yang cuba membebaskan tertuduh.

Bagi blog Sanggul Melayu ([sanggulmelayu.blogspot.com](http://sanggulmelayu.blogspot.com)) kempen Bebaskan Anwar 90 adalah satu strategi lapuk untuk mencari kesalahan pihak keselamatan dan badan kehakiman negara.

"Tujuannya mudah saja. Ingatkah pembaca tentang gelagat seorang penyokong pembangkang yang berpura-pura mati akibat kekejaman polis pada perhimpunan Bersih 2.0 tahun lalu?"

"Dan beberapa lagi aksi seksi Anwar sehingga terlantar akibat kekasaran polis? Juga aksi Mat Sabu yang melanggar benteng

(pembahagi) jalan tetapi dituduhnya polis melanggarnya?"

"Jadinya, senang sajakan. Skrip, pengarah, action, akhirnya PDRM akan dicarikan imej," katanya.

Sementara itu blog Semut Hitam ([semuthitam80.blogspot.com](http://semuthitam80.blogspot.com)) berkata, menjelang 9 Januari, pihak pembangkang menghadapi kemelut yang runcing terutama melibatkan Azmin Ali dan Nurul Izzah.

Katanya, isu pengganti Anwar selaku bakal Perdana Menteri jika pemimpin itu dimasukkan penjara belum dapat diselesaikan, walaupun Anwar sendiri akan menyatakan sudah menemui pengganti beliau.

"Siapa yang bakal menggantikan dia nanti? Kenapa nai; namakan pengganti dia pun dia takut sangat? Takut calon tu tak dapat diterima oleh ahli dan juga penyokong dia?"

"Ternyata, dalam kepimpinan pembangkang, soal nak memilih pemimpin pun menjadi satu masalah besar kepada mereka. Jadi macam mana dia orang nak memerintah negara?" katanya.

Kelolaa **LUKMAN ISMAIL**  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)